



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

2 MEI 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : BERI KEUTAMAAN KEPADA PEKERJA TEMPATAN DALAM SEKTOR PEKERJAAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	2 MEI 2017 (SELASA)	<p>THE RAKYAT POST PM Najib : Offer local jobs to Malaysians first</p> <p>THE MALAYSIA TIMES Give priority to local employees first</p> <p>MY NEWS HUB PM Mahu Majikan Utamakan Pekerja Tempatan</p> <p>SINAR HARIAN Utamakan pekerja tempatan, kata Najib</p> <p>KOSMO Beri keutamaan pekerja tempatan</p> <p>UTUSAN MALAYSIA Utamakan pekerja tempatan – PM</p>	<p>JobsMalaysia UTC PERKESO</p>

AKHBAR : THE RAKYAT POST

PM Najib : Offer local jobs to Malaysians first

PUTRAJAYA : Prime Minister Datuk Seri Najib Razak has urged employers to prioritise on local workforce to fill job vacancies in helping the government to materialise its five core areas in the Workers Transformation Leap. He said the government would organise the Job Fair @ UTC 2.0, to be launched on a large scale on May 20 at 11 Urban Transformation Centres (UTC) and four JobsMalaysia Centres nationwide – offering about 20,000 job vacancies from 300 employers. “Do give chance to Malaysian workers, if possible. Don’t just offer jobs to foreigners. Give priority to the local workers,” he said in his 2017 Labour Day speech here today.

Najib said one of the emphasis in the Workers Transformation Leap is to empower employment services public agency – in which the government is now reviewing the roles of JobsMalaysia Centre so that it would be more interactive, effective, customer-friendly and could act as the facilitator in job matching between job seekers and employers.

The prime minister also launched the OKU (persons with disabilities) Talent Enhancement Programme (OTEP) under the transformation programme to enhance the skills and employability of the group. On the second transformation leap, namely to optimise human capital as well as to strengthen policy planning and salary system, Najib said the government was now promoting the practice of the Productivity-Linked Wage System (PLWS).

He said such a measure was to overcome the income gap among the society and to strengthen the salary system in the private sector in ensuring that the increase in salaries corresponding to productivity. “Almost 81,000 employers, involving approximately 3.5 million workers, have applied the PLWS as of April 2017.

“The government hopes that the target of 85,000 employers to implement the PLWS which will benefit about 3.7 million workers by 2020, will be achieved.” Najib said the government was in the midst of developing the National Wage Index (NWI), to be completed by July, as a benchmark to help the employers to determine the wage levels of their employees that corresponds to qualification, skills and productivity. “I would like to suggest to the employers and industry players to apply the PLWS, NWI and payroll handbook...If the workers’ salaries commensurate with (their) qualifications, experience and productivity, this will certainly boost the competitiveness of (a particular) industry.” On the human capital aspect, the prime minister said the government would continue to strengthen its collaboration with the private sector in providing a conducive working environment for female employees, including reviewing maternity leave, as well as paternity leave for eligible male workers.

The efforts by the government bore fruit when the number of female participation in the labour market increased by almost 10% to 54.3% last year, compared to only 45.8% in 2006, he said.

Najib also announced the government agreed with a provision of RM70 million to the Social Security Organisation (Socso) for the payment of financial benefits relating to the Employment Insurance System (SIP) for next year (2018). When touching on the Workers Transformation Leap, aimed at expanding the social security protection in his speech today, he also announced the government proposed to expand the coverage of the Self Employed Social Security Scheme in stages to informal employment categories such as fishermen, farmers, smallholders, hawkers and arts practitioners. For a start, he said the scheme, which was announced in the Budget 2017, would provide protection to about 100,000 people, comprising taxi drivers who are self employed and individuals performing services such as Uber and Grab Car effective June 1 this year (2017).

Najib said to ensure that about 6.5 million local private sector workers currently under the Employees Social Workers Security Act 1969 are always being taken care of and protected, the government had agreed to launch the SIP. “Through this SIP, employees will get temporary financial assistance to support themselves and their family for a certain period of time while looking for a new job.” He said workers, who lost their jobs would also be given employment service support that included job search assistance, job matching, career counselling and career training for new jobs.

AKHBAR : THE MALAYSIA TIMES

Give priority to local employees first

PUTRAJAYA : Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak has urged employers to prioritise on local workforce to fill job vacancy in helping the government to materialise its five core areas in the Workers Transformation Leap. He said the government would organise the Job Fair @ UTC 2.0, to be launched on a large scale on May 20 at 11 Urban Transformation Centres (UTC) and four JobsMalaysia Centres nationwide, offering about 20,000 job vacancies from 300 employers. “Do give chance to Malaysian workers, if possible. Don’t just offer jobs to foreigners. Give priority to the local workers,” he said followed by thunderous applause from the 5,000-strong crowd who came to listen to his 2017 Labour Day speech here today.

Najib said one of the emphasis in the Workers Transformation Leap was to empower employment services public agency, in which the government was now reviewing the roles of JobsMalaysia Centre so that it would be more interactive, effective, customer-friendly and could act as the facilitator in job matching between job seekers and employers. The prime minister also launched the OKU (persons with disabilities) Talent Enhancement Programme (OTEP) under the transformation programme to enhance the skills and employability of the group. Najib said, for a start, Sentoria Group Bhd and Mydin Mohamed Holdings Bhd had recruited 88 and 66 OKUs respectively, to be trained in various skills to meet the industry

requirements. In his message, the Prime Minister also shared a success story of an OKU, Noorazizah Muhammad Zambri, who succeeded in running her business, Ariff Kasturi Enterprise, and hired seven OKU workers via a grant amounting to over RM52,000 under the OKU Business Incentive Assistance Scheme.

On the second transformation leap, namely to optimise human capital as well as to strengthen policy planning and salary system, Najib said the government was now promoting the practice of the Productivity-Linked Wage System (PLWS). He said such a measure was to overcome the income gap among the society and to strengthen the salary system in the private sector in ensuring that the increase in salaries corresponding to productivity. "Almost 81,000 employers, involving approximately 3.5 million workers, have applied the PLWS as of April 2017. "The government hopes that the target of 85,000 employers to implement the PLWS which will benefit about 3.7 million workers by 2020, will be achieved," he said.

Najib said the government was in the midst of developing the National Wage Index (NWI), to be completed by July, as a benchmark to help the employers to determine the wage levels of their employees that corresponds to qualification, skills and productivity. "I would like to suggest to the employers and industry players to apply the PLWS, NWI and payroll handbook...If the workers' salaries commensurate with (their) qualifications, experience and productivity, this will certainly boost the competitiveness of (a particular) industry," he said. On the human capital aspect, the Prime Minister said the government would continue to strengthen its collaboration with the private sector in providing a conducive working environment for female employees, including reviewing maternity leave, as well as paternity leave for eligible male workers.

The efforts by the government bore fruit when the number of female participation in the labour market increased by almost 10 per cent to 54.3 per cent last year, compared to only 45.8 per cent in 2006, he said. Najib also drew attention to the initiative by Maybank which allowed its female employees to go on maternity leave for up to a year.

Under the transformation leap on the technical and vocational education and training (TVET), he said over 80 per cent of TVET students had secured employment within six months after graduating. As for the transformation leap on prioritising the welfare and well-being of workers and vulnerable groups, Najib said several measures had been taken including the implementation of the national minimum wage policy. According to the prime minister, statutory inspections on more than 121,000 employers revealed that that 98 per cent of them had complied with the minimum wage policy while the remaining two per cent had been slapped with the notice of compliance.

Under the programme in recognising the experience and expertise of skilled workers via the Recognition of Prior Achievement (PPT) method, almost 125,000 employees had been certified in various skills which could indirectly improve their livelihood, he said. Najib said the Malaysian Skills Certification System, introduced on July 1 last year, to gain employment in civil services had opened up opportunities to its certificate holders, as well as the graduates of the Malaysian Skills Certificate, Malaysian Skills Diploma and the Malaysian Skills Advanced Diploma. Also being implemented was the Return to Work programme by the Social Security Organisation (Socso) dated back to 2007 with more than 70 per cent of its insured employees who were injured, having returned to work, he said.

The programme was also further supported with the establishment of Socso Rehabilitation Centre in 2014 which served as the leading and most comprehensive rehabilitation centre in Southeast Asia that had benefited a total of 1,373 participants. Najib also cited the story of Muhammad Hairuman Miskon, who suffered from physical disabilities due to an electric shock but graduated with an Information Technology Certificate, and was hired by Efinite Value Sdn Bhd. The Prime Minister also emphasised on the transformation leap aimed schemat expanding the social security protection, among others, via the Employment Insurance System (SIP) and Self Employment Social Security Scheme. In dealing with the challenges ahead, Najib advised the workers in the country to continue multiply their efforts to become skilled workers who are competent, creative and innovative so that Malaysia would be more competitive and successful.

“This includes training themselves to be multi-tasking, multi-skills and multi-talented, so that (they) will not just easily be accepted in the job market, but also be recognised at international level...This will also enhance their skills and work culture which will contribute to high productivity, value, thinking and skills in order to become high income workers,” he said. The Prime Minister also said the world was now experiencing the ‘Fourth Industrial Revolution’ which came in the form of various change agents such as information technology and internet, robotics, nano technology, automation tasks and 3D (three dimensional) printing. Citing a report from the World Economic Forum which covered 65 per cent workforce globally, Najib said about 7.1 million jobs had the potential to disappear between 2015 to 2020 due to redundancy, automation and disintermediation.

As such, he said, among the proactive measures to deal with these challenges, were by focusing on Digital Economy which could create 60,000 new jobs and, at the same time, able to contribute more than 20 per cent of revenue to the Gross Domestic Product (GDP). In ensuring the competitiveness and survival of the country, the government had emphasised on innovation and productivity aspects via the 11th Malaysia Plan as one of the main drives to generate wealth and spur economic growth, Najib said. Present at the 2017 Labour Day celebration, themed ‘Creative Workers Spur Innovation’, were Human Resources Minister Datuk Seri Richard Riot Jaem, Public Service Department director-general Datuk Seri Zainal Rahim Seman as well as trade union heads of public and private sectors.

AKHBAR : MY NEWS HUB



PM Mahu Majikan Utamakan Pekerja Tempatan

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu majikan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam membantu merealisasikan lima Lonjakan Transformasi Pekerja yang dilaksanakan kerajaan.

Beliau berkata kerajaan akan menganjurkan pameran kerja Job Fair @ UTC 2.0 dan akan dilancarkan secara besar-besaran pada 20 Mei ini di 11 Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan empat Pusat JobsMalaysia seluruh negara yang akan menawarkan kira-kira 20,000 kekosongan jawatan melibatkan 300 majikan.

“Seboleh-bolehnya berilah peluang kepada pekerja warga Malaysia. Janganlah beri pekerjaan kepada warga asing sahaja. Berilah keutamaan kepada pekerja tempatan,”katanya disambut dengan tepukan gemuruh 5,000 pekerja yang hadir mendengar amanat Hari Pekerja 2017 beliau di sini, hari ini. Najib berkata satu daripada Lonjakan Transformasi Pekerja yang ditekankan ialah memperkasakan agensi penyedia perkhidmatan pekerjaan awam iaitu kerajaan sedang mengkaji semula peranan JobsMalaysia Centre,

supaya lebih interaktif, efektif dan mesra pelanggan serta dapat berperanan aktif sebagai pemudahcara dalam menjalankan padanan pekerjaan antara pencari kerja dan majikan.

Di bawah lonjakan transformasi pekerja itu juga, perdana menteri melancarkan OKU Talent Enhancement Programme (OTEP) bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran Orang Kurang Upaya (OKU).

AKHBAR : SINAR HARIAN

Utamakan pekerja tempatan, kata Najib

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu majikan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam membantu merealisasikan lima Lonjakan Transformasi Pekerja yang dilaksanakan kerajaan. Beliau berkata, kerajaan akan menganjurkan pameran kerja Job Fair @ UTC 2.0 dan akan dilancarkan secara besar-besaran pada 20 Mei ini di 11 Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan empat Pusat JobsMalaysia seluruh negara yang akan menawarkan kira-kira 20,000 kekosongan jawatan melibatkan 300 majikan.

"Seboleh-bolehnya berilah peluang kepada pekerja warga Malaysia. Janganlah beri pekerjaan kepada warga asing sahaja. Berilah keutamaan kepada pekerja tempatan," katanya disambut dengan tepukan gemuruh 5,000 pekerja yang hadir mendengar amanat Hari Pekerja 2017 beliau di sini, hari ini. Najib berkata satu daripada Lonjakan Transformasi Pekerja yang ditekankan ialah memperkasakan agensi penyedia perkhidmatan pekerjaan awam iaitu kerajaan sedang mengkaji semula peranan JobsMalaysia Centre, supaya lebih interaktif, efektif dan mesra pelanggan serta dapat berperanan aktif sebagai pemudahcara dalam menjalankan padanan pekerjaan antara pencari kerja dan majikan.

Di bawah lonjakan transformasi pekerja itu juga, perdana menteri melancarkan OKU Talent Enhancement Programme (OTEP) bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran Orang Kurang Upaya (OKU).

Beri keutamaan pekerja tempatan



PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu majikan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam membantu merealisasikan lima Lonjakan Transformasi Pekerja yang dilaksanakan kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan akan menganjurkan pameran kerja Job Fair @ UTC 2.0 yang bakal dilancarkan secara besar-besaran pada 20 Mei ini di 11 Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan empat Pusat JobsMalaysia seluruh negara. Ia akan menawarkan kira-kira 20,000 kekosongan jawatan melibatkan 300 majikan.

“Seboleh-bolehnya berilah peluang kepada pekerja warga Malaysia. Janganlah beri pekerjaan kepada warga asing sahaja. Berilah keutamaan kepada pekerja tempatan,” katanya disambut dengan tepukan gemuruh 5,000 pekerja yang hadir mendengar amanat Hari Pekerja 2017 beliau di sini semalam. Najib berkata, satu daripada Lonjakan Transformasi Pekerja yang ditekankan ialah memperkasakan agensi penyedia perkhidmatan pekerjaan awam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Utamakan pekerja tempatan – PM



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan Anugerah Penghargaan Penglibatan dalam Program Pemerksaan Bakat OKU kepada Sallehin Pandita (berkerusi roda) selepas merasmikan Sambutan Hari Pekerja 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA – Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru majikan di negara ini untuk memberi keutamaan kepada pekerja tempatan dalam mengisi kekosongan jawatan dan tidak hanya mengambil jalan mudah dengan menggaji pekerja asing. Perdana Menteri berkata, langkah itu sekali gus dapat membantu merealisasikan Lima Lonjakan Transformasi Pekerja bagi melahirkan pekerja yang kreatif dan inovatif demi membawa Malaysia ‘memasuki gelanggang’ ekonomi maju berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, kerajaan akan menganjurkan pameran kerja Job Fair @ UTC 2.0 dan akan dilancarkan secara besar-besaran pada 20 Mei ini di 11 buah Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan empat Pusat Jobs Malaysia seluruh negara yang akan menawarkan kira-kira 20,000 kekosongan jawatan melibatkan 300 majikan. “Seboleh-bolehnya, berilah peluang kepada pekerja warga Malaysia terlebih dahulu. Jangan mencari jalan mudah, hendak beri pekerjaan kepada pekerja asing sahaja. Berilah keutamaan kepada pekerja tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat Hari Pekerja kepada 5,000 warga kerja yang hadir pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini. Perdana Menteri pada majlis itu turut melancarkan Program Pemerksaan Bakat OKU atau OKU Talent Enhancement Programme (OTEP) bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran orang kurang upaya (OKU).

Mengulas lanjut, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan telah menggariskan lima Lonjakan Transformasi Pekerja iaitu:

- Mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan pekerja serta golongan mudah terjejas
- Mengoptimumkan modal insan, memperkukuhkan perancangan dasar dan sistem gaji.
- Mengupayakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang diterajui industri.
- Memperkasakan agensi penyedia perkhidmatan pekerjaan awam.

Menurut Najib, bagi lonjakan melibatkan usaha memperkasakan agensi penyedia perkhidmatan pekerjaan awam, kerajaan sedang mengkaji semula peranan Jobs Malaysia Centre. “Langkah ini bagi memastikan pusat tersebut lebih interaktif, efektif dan mesra pelanggan serta dapat berperanan aktif sebagai pemudah cara dalam menjalankan padanan pekerjaan antara pencari kerja dan majikan,” katanya.

ISU : KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

BIL	TARIKH	TAJUK & AKHBAR	PIHAK TERLIBAT
1.	2 MEI 2017 (SELASA)	THE RAKYAT POST DOSH issued stop-work order as no safety supervisor at construction sites	DOSH MENTERI SUMBER MANUSIA

AKHBAR : THE RAKYAT POST

DOSH issued stop-work order as no safety supervisor at construction sites

TAWAU : Construction companies undertaking projects valued at more than RM20 million are required to engage at least one site safety supervisor (3S) to monitor safety at the project site. Human Resource Minister Datuk Seri Richard Riot yesterday said the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) has the authority to issue stop-work notice if it was found the construction company failed to appoint a 3S officer and neglect the safety and health aspects of workers.

"Recently, DOSH stopped two construction projects, in Kuala Lumpur and in Malacca for failing to comply with the 3S officer requirement and other safety aspects.

"The stop-work notice will obviously cost the company as the project could be delayed up to six months or until DOSH is satisfied with the safety and health measures taken by the companies."

Meanwhile in Kuala Lumpur, 80% of employers and foreign workers have yet to apply for the enforcement card (E-Kad) to legalise the re-employment of illegal immigrants.

The number is far below the target of the Immigration Department of between 400,000 to 600,000 illegal immigrants to be registered by the end of the programme on June 30.

Its director-general Datuk Seri Mustafar Ali said the department had so far approved 68,580 or 20% since the exercise was launched on Feb 15. "A total of 73,881 illegal immigrants involving 11,103 employers had applied to obtain the E-Kad as at April 24 and from the total, 68,580 cards were issued.

"This is very disappointing as the period is almost over. Employers should take the opportunity to register their workers before action is taken," he said, warning that the deadline would not be extended.

ISU : SKIM INSURANS PEKERJA

BIL	TARIKH	TAJUK & AKHBAR	PIHAK TERLIBAT
1.	2 MEI 2017 (SELASA)	MALAYSIAN DIGEST RM70m More To Socso For EIS MALAYSIAN DIGEST Self-Employment Social Security Scheme To Go Beyond Cabbies And Uber, Grab Drivers SINAR HARIAN Najib setuju beri RM70j kepada Perkeso UTUSAN MALAYSIA Setuju laksana SIP HARIAN METRO Perluas Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri HARIAN METRO RM70 juta untuk PERKESO MALAYSIA GAZETTE Anak kapal pun mahu Skim Insurans Pekerja	PERKESO NUFAM

AKHBAR : MALAYSIAN DIGEST**RM 70m More To Socso For EIS**

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak today announced an allocation of RM70 million to the Social Security Organisation (Socso) for financial benefit payments under the Employment Insurance System (EIS) for the year 2018, in addition to the RM52 million allocated earlier to Socso under the 10th Malaysia Plan. He said EIS would allow retrenched private sector workers to receive temporary financial aid while they were looking for a new job.

On the "Self-Employment Social Security Scheme", Najib said the government is mulling expanding its reach to other informal job categories in stages, covering fishermen, farmers, peddlers and artists. He said the scheme in its current form, which will be enforced beginning June 1, will provide protection to about 100,000 self-employed taxi drivers as well as those working in e-hailing services.

"Through this scheme, self-employed workers who are insured would be protected in the event of an accident during work or if they (suffer from) occupational diseases," he said at a Labour Day event at the Putrajaya International Convention Centre. Najib said the Labour Day celebrations in Malaysia this year was held in a peaceful manner, unlike in other countries where it was marred by controversy, altercations and protests. "This is (due to) to the harmonious relationship between trade unions, employers and the government," he said.

AKHBAR : MALAYSIAN DIGEST

Self-Employment Social Security Scheme To Go Beyond Cabbies And Uber, Grab Drivers

PUTRAJAYA: The government plans to expand the scope of coverage of the Self Employment Social Security Scheme beyond cabbies, Uber and Grab drivers. Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, in his Labour Day speech today, said the government is looking into including other self-employed workers into the scheme, including fishermen, farmers, traders and artists.

"This scheme will allow self-employed workers to be covered in the event of occupational accidents or if they suffer from occupational diseases. "For a start, this scheme will cover about 100,000 people comprising self-employed taxi drivers and those providing e-hailing services - Uber and Grab drivers," said Najib.

The prime minister said the self-employment social security scheme is scheduled to be implemented June 1 this year. The new Self-Employment Act, which aims to administer Social Security Organisation (Socso) schemes to the self-employed taxi, Uber and Grab drivers, was passed in Parliament recently.

AKHBAR : SINAR HARIAN

Najib setuju beri RM70j kepada Perkeso

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan kerajaan bersetuju memperuntukkan RM70 juta kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk tujuan pembayaran faedah kewangan Sistem Insurans Perkerjaan (SIP) pada tahun depan.

Ketika menyentuh lonjakan transformasi pekerja yang bertujuan memperluaskan perlindungan keselamatan sosial dalam ucapannya pada sambutan Hari Pekerja 2017 di sini hari ini, beliau turut mengumumkan kerajaan bercadang memperluaskan liputan Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri secara berperingkat kepada kategori pekerja tidak formal seperti nelayan, petani, pekebun kecil, penjaja dan penggiat seni.

Buat permulaan, katanya, skim tersebut, yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2017, akan memberi perlindungan kepada kira-kira 100,000 orang yang terdiri daripada para pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya seperti Uber dan GrabCar mulai 1 Jun tahun ini.

Najib berkata, bagi memastikan kira-kira 6.5 juta pekerja swasta tempatan sedia ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sentiasa terbela dan dilindungi, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan SIP. "Melalui SIP ini, pekerja (yang kehilangan mata pencarian) akan mendapat bantuan kewangan sementara untuk menyara hidup diri dan keluarga dalam tempoh tertentu semasa mencari pekerjaan baharu," katanya. Selain bantuan kewangan, pekerja yang kehilangan mata pencarian juga akan diberi sokongan perkhidmatan pekerjaan, yang meliputi bantuan carian kerja, pepadanan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan latihan kerjaya untuk mendapatkan pekerjaan baharu, katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Setuju laksana SIP



Najib Razak

PUTRAJAYA - Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), kata Datuk Seri Najib Tun Razak. Perdana Menteri berkata, pelaksanaan sistem berkenaan adalah bagi memastikan kira-kira 6.5 juta pekerja swasta tempatan yang sedia ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sentiasa terbela dan dilindungi.

Melalui SIP kata beliau, pekerja akan mendapat bantuan kewangan sementara untuk menyara hidup diri dan keluarga dalam tempoh tertentu semasa mencari pekerjaan baharu.

“Selain bantuan kewangan, pekerja yang kehilangan mata pencarian juga akan diberi sokongan perkhidmatan pekerjaan yang meliputi bantuan carian kerja, pepadanan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan latihan kerjaya untuk mendapatkan pekerjaan baharu.

“Tambahkan lagi, bagi melaksanakan SIP ini, Kerajaan sedang memperhalusi draf Rang Undang-undang SIP, bagi pembentangan pada sesi persidangan Parlimen yang akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat Hari Pekerja kepada 5,000 warga kerja yang hadir pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini. Mengulas lanjut, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, seterusnya, kutipan caruman akan dilaksanakan mulai Januari 2018 dan pemberian faedah kewangan dijangka dibuat mulai Januari 2019.

Menurutnya, SIP merupakan satu langkah jangka panjang yang bukan sahaja bertujuan untuk membantu golongan pekerja terjejas tetapi juga berupaya mengekal dan merencanakan pertumbuhan ekonomi secara mampan terutama jika berlaku kegawatan. “Pada hemat saya, SIP ini ibarat pepatah Melayu menyebut juga sebagai, sediakan payung sebelum hujan. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua pihak, khususnya para majikan untuk menyokong pelaksanaan SIP ini,” katanya.

Dalam pada itu, Najib memberitahu, kerajaan bercadang untuk memperluaskan liputan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri secara berperingkat-peringkat kepada kategori pekerjaan informal yang lain seperti para nelayan, petani, pekebun kecil, penjaja dan

penggiat seni. "Melalui skim ini juga, orang berinsurans yang menjalankan pekerjaan sendiri, akan dilindungi sekiranya berlaku kemalangan semasa bekerja atau mengalami penyakit berkaitan pekerjaan, sebagaimana pekerja dalam sektor formal," katanya

AKHBAR : HARIAN METRO

PERLUAS SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI

Putrajaya : Kerajaan bercadang untuk memperluaskan liputan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri secara berperingkat-peringkat kepada kategori pekerjaan informal seperti nelayan, petani, pekebun kecil, penjaja dan penggiat seni.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, melalui skim ini, pekerja berinsurans yang bekerja sendiri akan dilindungi sekiranya berlaku kemalangan semasa bekerja sebagaimana pekerja dalam sektor formal.

"Dalam pembentangan Bajet 2017 lalu, kerajaan sudah umumkan geran pelancaran sebanyak RM60 juta bagi melaksanakan Skim Bencana Kerja untuk pemandu teksi yang bekerja sendiri atau individu yang menjalankan aktiviti dan seumpamanya.

"Skim Bencana Kerja itu akan ditadbir urus melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. "Sebagai permulaan, skim ini akan memberi perlindungan kepada kira-kira 100,000 orang, terdiri daripada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya seperti Uber dan Grab Car, yang bakal dilaksanakan mulai 1 Jun 2017," katanya ketika berucap pada sambutan Hari Pekerja 2017 di sini hari ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

RM 70 JUTA UNTUK PERKESO

Putrajaya : Kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM70 juta kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi tujuan pembayaran faedah kewangan Sistem Insuran Pekerjaan (SIP) pada 2018. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, SIP dilaksanakan bagi memastikan kira-kira 6.5 juta pekerja swasta tempatan yang sedia ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sentiasa terbela dan dilindungi.

Beliau berkata, melalui SIP ini, pekerja akan mendapat bantuan kewangan sementara untuk menyara hidup diri dan keluarga dalam tempoh tertentu semasa mencari pekerjaan baharu. "Selain bantuan kewangan, pekerja yang kehilangan mata pencarian juga akan diberi sokongan perkhidmatan pekerjaan, yang meliputi bantuan carian kerja, pepadanan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan latihan kerjaya untuk mendapatkan pekerjaan baharu.

"Bagi melaksanakan SIP ini, kerajaan sedang memperhalusi draf Rang Undang-undang SIP, bagi pembentangan pada sesi persidangan Parlimen yang akan datang," katanya ketika berucap pada sambutan Hari Pekerja 2017 di sini hari ini. Katanya, kutipan caruman akan dilaksanakan mulai Januari 2018, dan pemberian faedah kewangan dijangka dibuat mulai Januari 2019.

SIP adalah satu langkah jangka panjang yang bukan sahaja bertujuan untuk membantu golongan pekerja yang terjejas, tetapi turut berupaya mengekal dan merencanakan pertumbuhan ekonomi secara mampan, terutama jika berlaku kegawatan.

AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE

Anak kapal pun mahu Skim Insurans Pekerja



KUALA LUMPUR – Kesatuan Kebangsaan Anak Kapal Kabin Malaysia (NUFAM) mahu kerajaan mengkaji semula Skim Insurans Pekerja (SIP) supaya anak-anak kapal turut diberi perlindungan yang sama. Presidennya, Ismail Nasaruddin berkata, jika skim insuran pekerjaan dalam bidang lain boleh dilancarkan mengapa skim yang sama tidak boleh ditawarkan kepada anak-anak kapal.

Menurut beliau, NUFAM telah banyak kali membangkitkan isu ini namun tidak dipedulikan. “Kita memohon semua syarikat penerbangan yang mengambil pekerja kru kabin diberikan SIP ini tidak kurang dari RM150,000 seseorang. “Kita ambil contoh dalam insiden pesawat MH370 dan MH17, keluarga anak-anak kapal hanya dibayar RM90,000 dan ini sama sekali tidak mencukupi untuk keluarga menanggung segala kos hidup mereka,” katanya dalam satu kenyataan di sini. Malah, tegas Ismail, gaji anak kapal di Malaysia juga tidak setaraf dengan syarikat penerbangan diluar negara.

Seorang kakitangan kabin di Singapore Airline dan Cathay Pacific menerima gaji sebanyak RM12,000 hingga RM15,000 sebulan tetapi pekerja di Malaysia dibayar gaji sebanyak RM4,000 – RM5,000. Ini sudah cukup menunjukkan begitu besar jurang gaji dan elaun anak kapal di Malaysia yang tidak berubah sejak 20 tahun lalu. Ia tidak termasuk isu pekerja di sesetengah syarikat penerbangan yang masih tidak membayar gaji dan elaun pekerja. “Ramai juga dalam kalangan pekerja syarikat penerbangan yang telah dihentikan masih tidak bekerja atau mendapat pampasan yang seharusnya diterima dari majikan. “Jangan biarkan pekerja-pekerja ini merana bersendirian kerana mereka juga mempunyai tanggungan lantaran itu agensi kerajaan juga mesti siap sedia untuk membantu mereka jika masalah pemberhentian kerja berlaku dalam syarikat penerbangan,” ujarnya.

Ismail berkata, NUFAM memohon Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Pengangkutan membuat kajian semula dan memberi lebih perhatian kepada bidang pekerjaan anak kapal kerana industri penerbangan negara semakin berkembang. “Syarikat penerbangan megaut keuntungan tinggi tetapi gaji bayaran kepada pekerja mereka masih tidak ada perubahan. “Sudah tiba masanya isu-isu seperti ini dipantau dengan lebih ketat oleh agensi kerajaan dan masalah kakitangan di syarikat penerbangan diberikan perhatian yang sama kerana mereka juga penyumbang kepada ekonomi negara. “Selain aspek-aspek

di atas, NUFAM memohon pihak berkuasa Malaysia turut melihat segala aspek bidang keselamatan pekerja kabin dan meneliti segala undang-undang perlindungan pekerjaan buat kakitangan kabin," tambahnya

ISU : PROGRAM TRANSFORMASI PEKERJA

BIL	TARIKH	AKHBAR & TAJUK	PIHAK TERLIBAT
1.	2 MEI 2017 (SELASA)	BERITA HARIAN Laksana 5 Lonjakan Transformasi Pekerja	MENTERI SUMBER MANUSIA PERKESO

AKHBAR : BERITA HARIAN

LAKSANA 5 LONJAKAN TRANSFORMASI PEKERJA

PUTRAJAYA: Kerajaan sedang giat melaksanakan lima Lonjakan Transformasi Pekerja bagi melahirkan pekerja yang kreatif dan inovatif serta membawa Malaysia memasuki gelanggang ekonomi maju berpendapatan tinggi. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata lonjakan berkenaan termasuk mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan pekerja dan golongan mudah terjejas serta mengoptimumkan modal insan, memperkukuh perancangan dasar dan sistem gaji.

Selain itu, mengupaya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diterajui industri; memperkasa agensi penyedia perkhidmatan pekerjaan awam dan memperluas perlindungan keselamatan sosial. Perdana Menteri berkata, beberapa langkah sudah dilaksanakan kerajaan untuk memastikan kebajikan pekerja terbela iaitu dasar gaji minimum dan menyediakan pelbagai bentuk bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) serta rumah mampu milik. "Untuk makluman, melalui pemeriksaan berkanun yang dijalankan ke atas 121,000 majikan mendapati sebanyak 98 peratus majikan mematuhi dasar gaji minimum dan dua peratus lagi diberi notis pematuhan," katanya ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja 2017 dengan tema "Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman. Lebih 5,000 pekerja dari 200 kontinjen jabatan kerajaan dan swasta hadir pada sambutan berkenaan. Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju untuk memperuntukkan RM70 juta kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi tujuan pembayaran faedah kewangan Sistem Insurans Pekerja (SIP) pada 2018, sebagai tambahan kepada RM50 juta yang diperuntukkan pada Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). "Kerajaan juga bercadang memperluaskan liputan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri secara berperingkat kepada kategori pekerjaan tidak formal lain seperti nelayan, petani, penjaja dan penggiat seni, berbanding hanya kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan pekerjaan seumpamanya," katanya.

Dalam usaha menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menganjurkan pameran kerja 'Job Fair @ UTC 2.0 2017' pada 20 Mei ini di 11 Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan empat JobsMalaysia di seluruh negara yang menawarkan 20,000 kekosongan jawatan oleh 300 majikan.

ISU : MAJIKAN & PEKERJA ASING

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK	PIHAK TERLIBAT
1.	2 MEI 2017 (SELASA)	SINAR HARIAN Pekerja asing: Majikan perlu lebih bertanggungjawab	MTUC

AKHBAR : SINAR HARIAN

Pekerja asing: Majikan perlu lebih bertanggungjawab

SHAH ALAM - Majikan diharap lebih bertanggungjawab dan menyahut seruan kerajaan berkenaan isu pengambilan tenaga kerja asing. Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Abdul Halim Mansor berkata, kerjasama semua pihak berkaitan penting supaya Malaysia tidak dilabelkan sebagai negara tumpuan pekerja haram. "Perkara ini telah lama diperjuangkan kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri tetapi nampaknya ia tidak dapat kerjasama majikan dan pekerja," katanya.

Beliau meminta majikan lebih peka, bertanggungjawab, menerapkan semangat nasionalisme dan patriotisme dalam urusan berkaitan pekerja asing berdokumen. Abdul Halim juga mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak berkaitan sempena sambutan Hari Pekerja, hari ini. Beliau berkata, Hari Pekerja bukan sahaja diraikan dengan cuti umum, tetapi untuk mencari penyelesaian bagi mengukuhkan produktiviti sumber tenaga yang begitu penting dalam pembangunan negara.

"Saya sarankan pekerja dan majikan utamakan kesihatan dan keselamatan. Peranan majikan dituntut dalam menjayakan usaha ini kerana rakyat Malaysia hari ini, kuat bekerja dan makan. "Rakyat Malaysia kadang-kadang bekerja melebihi 12 jam. Kita faham semua itu dibuat disebabkan ekonomi negara tidak menentu, tetapi kesihatan jangan diabaikan. "Jadi majikan perlu prihatin agar kesihatan yang baik menjadi budaya kepada pekerja di negara ini," katanya. Selain itu, majikan perlu kreatif dalam memastikan kebajikan pekerja terjamin. Beliau memberi contoh langkah CIMB Group memperuntukkan kira-kira RM1 bilion untuk pinjaman perumahan dengan faedah sifar peratus kepada warga kerjanya yang berpendapatan bawah RM3,500, bagi nilai kediaman tidak melebihi RM250,000 mulai hari ini.

Menurut Abdul Halim, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga diharap mencontohi inisiatif itu. "Saya berpandangan, selain kita simpan di KWSP, institusi ini harus lebih kreatif kepada pencarum. "Kita boleh buat program bersama Majlis Perumahan Negara, atau beri kelayakan kepada pekerja yang lebih 20 tahun tidak guna apa-apa skim kemudahan, terutama kediaman," katanya. Beliau mencadangkan kepada kerajaan agar pertimbangkan wakil kesatuan pekerja berada dalam Majlis Perumahan Negara dan di Dewan Negara. "Pihak lain tidak boleh bercakap bagi pihak pekerja, kecuali kalangan pekerja itu sendiri," katanya.